A portrait of Syed Mokhtar Albukhary, a middle-aged man with a receding hairline, smiling warmly. He is wearing a dark blue batik shirt with intricate white and light blue patterns. The background is a dark, textured blue.

B I O G R A F I  
SYED MOKHTAR  
ALBUKHARY

4

PREMILLA MOHANLALLI

Diterjemahkan oleh pVm communications sdn bhd

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA


# B I O G R A F I

---

# SYED MOKHTAR ALBUKHARY

PREMILLA MOHANLALL

Diterjemahkan oleh pVm communications sdn bhd



Diterbitkan oleh  
pVm communications sdn bhd  
A12-13A Menara Prima  
Jalan PJU 1/39 Dataran Prima, Taman Mayang  
47301 Petaling Jaya, Selangor Malaysia  
*www.pvm.com.my*

Diedarkan oleh  
MPH Distributors Sdn Bhd  
Ground Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4  
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
emel: *distributors@mph.com.my*

MPH Distributors (S) Pte Ltd  
No. 12 Tagore Drive, Habitat Warehouse, Singapore 787621  
emel: *sales@mph.com.sg*

Hakcipta © 2012 Terpelihara  
Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian di dalam buku ini  
tidak boleh dipergunakan semula dengan apa cara sekalipun  
tanpa kebenaran daripada pemegang hakcipta.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Premilla Mohanlall  
Biografi Syed Mokhtar Albukhary /  
Premilla Mohanlall.

Includes index

ISBN 978-967-11571-0-7

1. Syed Mokhtar Albukhary, Tan Sri, 1951-.
  2. Businesspeople—Malaysia—Biography.
  3. Success in business—Malaysia. I. Judul.
- 338.04092

Dicetak oleh  
PrinAd Sdn Bhd  
No. 27-29 Jalan 2/148A  
Taman Sungei Besi Industrial Park  
57100 Kuala Lumpur, Malaysia

# KANDUNGAN

Prolog		v
Bab 1	Ditimang Gelombang	1
Bab 2	Keluarga Didahulukan	27
Bab 3	Jejak Kejayaan	39
Bab 4	Menuju Kuala Lumpur	63
Bab 5	Lambaian Johor	89
Bab 6	Pemain Korporat	97
Bab 7	Bila Hati Tersentuh	115
Bab 8	Mengutip Serpihan	125
Bab 9	Menuju Ke Puncak	131
Bab 10	Melebarkan Sayap	161
Bab 11	Silauan Media	177
Bab 12	Kebahagiaan Berkeluarga	183
Epilog		191
Profil Penulis		201
Indeks		203



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# PROLOG

*2.30 pagi, 9 Jun 2012*

*Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur*

Bertugas sehingga lewat malam bukan perkara asing bagi mereka yang bekerja dengan Syed Mokhtar Albukhary. Sejak kira-kira 20 tahun lalu, adalah menjadi kebiasaan Syed Mokhtar, jika dia tidak keluar negeri atau ke mana-mana, untuk mengatur temu janji selepas waktu pejabat dengan mereka yang menggerakkan syarikat-syarikatnya pada setiap hari, tujuh hari seminggu – bertujuan untuk mengemaskini maklumat, menyelesaikan masalah dan mendapatkan pandangan untuk dijadikan panduan bagi merencana langkahnya yang seterusnya. Kelazimannya, mesyuarat akan bermula pada pukul 10 malam dan berakhir sehingga menjelang subuh. Dengan cara ini, beliau dapat mengelak daripada mengganggu tugas harian pengurus-pengurus profesionalnya.

Sesi-sesi mesyuarat tersebut berlangsung secara tidak formal – tidak ada etika berpakaian atau suasana rasmi mengenainya. Peneraju-peneraju korporatnya, yang berpakaian kasual dan dengan fail di tangan masing-masing, menanti giliran mereka di sebuah lobi kecil, sebelum diisytiharkan masuk ke bilik mesyuarat peribadinya, di mana Syed Mokhtar akan duduk di sebuah meja besar yang juga berfungsi sebagai meja makan. Mereka kebanyakannya adalah ketua eksekutif dan ketua pegawai kewangan di syarikat-syarikat miliknya.

Saya merupakan orang yang terakhir dalam senarai temu janji pada hari ini, dan ternyata pada ketika itu, Syed Mokhtar berkeadaan santai dan kelihatan lebih tenang.

Beliau melambai saya supaya masuk ke ruang istirehat yang bersambung dengan bilik mesyuaratnya. Bersandar dengan selesa di sofa, Syed Mokhtar mula bercerita dan mengimbas kembali pengalaman hidupnya. Dia kelihatan rancak dan bersemangat sekali bercerita – matanya bersinar, tangannya juga turut bercerita, dan suasana menjadi penuh nostalgia dan diringi gelak ketawa. Sesi perbualan kami lebih merupakan sesi “tanpa sempadan”, sama seperti sesi-sesi sebelum ini.

Setiap temu bual mempunyai fokus yang khusus, dan Syed Mokhtar tidak akan berganjak daripada matlamat itu. Inilah antara bukti-bukti keunggulan Syed Mokhtar, seorang lelaki yang sentiasa fokus. Dia juga seorang yang kemas dan rapi, bukan sahaja dalam penampilannya, tetapi juga cara berfikirnya.

Tidak terdapat pen atau kertas di mana-mana; yang ada hanya sebuah koleh berisi teh dan segelas air, kedua-duanya sering diisi semula. Dia sangat cerewet tentang cara teh minumannya disediakan, dan cuma seorang saja yang tahu cara menyediakannya dengan betul; iaitu seorang pelayan di Madras Café, sebuah restoran yang sering dikunjunginya sejak mula tiba di Kuala Lumpur pada tahun 1980-an. Teh susu panasnya disediakan dalam koleh keluli tahan karat dan diletakkan di atas piring leper. Syed Mokhtar akan menuangkan teh ke dalam piring untuk menyejukkannya, kemudian menuangkannya semula ke dalam koleh keluli itu dan menghirupnya.

Itulah satu perkara yang menarik tentang Syed Mokhtar, dia sukakan kesederhanaan dan cara-cara yang tradisional. Dikenali sebagai seorang yang menjauhi glamour dan tidak suka bermegah-megah, dia memiliki perwatakan berhemah dan sentiasa tenang. Mereka yang bekerja dengannya berkata,

beliau tidak pernah meninggikan suara walaupun ketika sedang marah.

Suasana pertemuan kami cukup bersahaja. Namun, Syed Mokhtar tetap serius dan teratur ketika berlangsungnya temu bual. Dikenali kerana memiliki daya ingatan yang tajam, terutama tentang nama dan nombor, beliau menyebut alamat penuh setiap rumahnya apabila merujuk pada rumah-rumah yang didiaminya pada zaman kanak-kanak, kenderaan-kenderaannya pula dengan nombor-nombor pendaftarannya, dan setiap satu urusan niaganya juga jelas tercatat di kepalanya. Tiada buku catatan atau telefon mudah alih diperlukan untuk membantu memorinya mengingati sesuatu. Beliau tidak pernah mencatatkan apa-apa. Menurut mereka yang berdekad-dekad mengenalinya, Syed Mokhtar memiliki daya ingatan fotografik.

Apabila selesai temu bual, Syed Mokhtar mengiringi saya keluar melalui Perpustakaan Cendekiawan di Muzium Kesenian Islam Malaysia yang dibina, dimiliki dan diuruskan oleh yayasan kebajikannya. Perhatiannya beralih buat sementara pada buku-buku yang terdapat di situ dan matanya bersinar persis seorang kanak-kanak di kilang coklat, ketika dia bergerak pantas dari satu rak ke rak yang lain sambil menunjuk ke arah pelbagai buku dari zaman dan tempat yang berbeza dan berlainan di seluruh dunia – Islam dan bukan Islam – dan bagaimana ia mengubah kehidupan manusia menjadi lebih baik. Syed Mokhtar jelas teruja melihat betapa luas dan bernilainya ilmu pengetahuan yang berada di sekelilingnya.

Bagi Syed Mokhtar, pelajaran dan biasiswa merupakan jawapan kepada banyak masalah. Beliau tercicir di peringkat sekolah menengah disebabkan kesulitan kewangan, namun mengangap dirinya bernasib baik kerana mampu berada di tahap yang ada sekarang. Banyak yang telah dilihat dan

dilakukan, dan banyak pula yang dipelajari daripadanya. Dan ini terus dilakukannya, dia terus mencari pengalaman baharu dan terus merujuk pandangan orang lain untuk memperkayakan lagi minda dan jiwanya.

Setelah berada di luar bangunan, Syed Mokhtar memasuki Proton Perdana lamanya dan melambaikan selamat tinggal kepada saya. Ketika menaiki kereta sendiri, saya menyedari betapa berbezanya kereta buatan luar negara milik saya dengan kereta buatan Malaysia yang dimilikinya. Kita semua berbangga menjadi rakyat Malaysia, tetapi Syed Mokhtar bukan rakyat Malaysia biasa. Hartawan dan dermawan ini amat pragmatik dan merendah diri, dan sentiasa meletakkan kepentingan nasional melebihi kepentingan peribadi dalam kehidupannya.

Beliau sedar setiap pergerakannya diperhati, malah dicontohi. Dengan menjadikan dirinya contoh yang baik, beliau berharap lebih ramai akan mendapat inspirasi untuk mengikut jejak langkahnya. Beliau mampu memiliki kereta mewah buatan luar negara, tetapi memilih untuk memiliki kereta nasional, Proton (yang dibelinya bertahun sebelum menjadi pemilik syarikat pembuat Proton). Beliau mampu terbang dengan jet mewah ke mana sahaja lokasi eksotik, tetapi memilih untuk memandu balik ke Alor Setar untuk melawat ibunya setiap bulan. Lebih daripada itu, beliau boleh menjual syarikat-syarikatnya, mengaut keuntungan yang besar dan hidup bersenang-lenang pada usia tuanya. Sebaliknya, Syed Mokhtar, pada umur 60 tahun, memilih untuk terus bekerja keras demi memastikan syarikat-syarikat dalam kumpulannya mencatat keuntungan dan menyediakan kerja yang terjamin kepada seramai 110,000 kakitangannya dan 250,000 kakitangan tidak langsungnya.

\*\*\*

